

08 NOV 2002

RAFIDAH-AUTOMOTIF/I

KERAJAAN SEDANG SEDIAKAN LANGKAH SESUAI BAGI INDUSTRI AUTO, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Kerajaan sedang menyediakan garis panduan dan langkah-langkah sesuai bagi industri automotif tempatan sebagai persediaan menghadapi Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA), kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

"Kami sedang menyediakan langkah-langkah berkenaan, (ia akan) tidak semestinya terhadap langkah-langkah cukai tetapi langkah-langkah berkenaan yang perlu selari dengan langkah cukai berkenaan," katanya semasa taklimat media bulanan kementeriannya di sini hari ini.

Bagi langkah yang sesuai bagi cukai, Rafidah berkata perkara berkenaan masih belum diputuskan oleh kerajaan dan menambah bahawa Malaysia masih mempunyai dua tahun lagi untuk bekerja sepenuhnya mengenainya.

Terdahulu beliau diminta mengulas mengenai kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa harga kereta tidak akan lebih murah apabila AFTA dilaksanakan sepenuhnya.

Rafidah menjelaskan bahawa pengurangan tarif, sebagaimana yang dipersetujui di bawah AFTA, adalah untuk kereta-kereta import dari negara-negara Asean dan tidak termasuk kereta import dari negara di luar Asean.

Bagaimanapun, Rafidah percaya bahawa kereta import dari negara-negara Asean lebih kepada kenderaan komersil dan kurang kenderaan penumpang.

"Jagi bagi pengguna, tolong jangan tunggu kemudiannya untuk membeli kereta, ianya tidak akan lebih murah. Bagaimanapun, AFTA ialah mengenai Asean, jadi ia tidak akan memberi kesan (kereta import) dari negara lain di dunia," katanya.

Semasa ditanya sama ada Proton, yang menjadi pelabur utama dalam negara, akan dapat bersaing dengan pasaran Asean yang lain, Rafidah berkata tidak ada kerajaan yang mahu kerugian wang daripada pengurangan tarif.

Beliau berkata setiap anggota Asean akan mempunyai pelbagai langkah berbeza untuk mengimbangi sebarang kerugian perolehan.

"Kami masih belum memutuskan apa yang nak dilakukan, tetapi kami sedang berusaha mengenainya," kata beliau sambil menambah bahawa kerajaan tentunya akan membuat pengumuman apabila ia memuktamadkan dan menyiapkan langkah yang selari berkenaan.

Pengurangan tarif akan melibatkan kenderaan siapa bina (CBU) dan kenderaan komponen terurai (CKD) yang diimport dari negara-negara Asean.

Di bawah AFTA, Malaysia sepatutnya mengurangkan tarif terhadap unit-unit CKD dan CBU kepada 20 peratus menjelang 1 Jan, 2003 bersama-sama dengan negara-negara Asean yang lain tetapi ia telah meminta penangguhan memandangkan industri pembuatan tempatan terjejas dengan teruk oleh krisis kewangan 1997/98.

Dengan demikian, pada 1 Jan, 2005, Malaysia perlu mengurangkan tarif terhadap kereta-kereta import pada paras yang sama dengan negara-negara Asean bagi membolehkan untuk menikmati keistimewaan tarif rendah yang sama apabila ia mengeksport keretanya ke negara lain di rantau Asean. -- BERNAMA

WNZ SHY NHD